

1103/1
BAHASA MELAYU
Kertas 1
Ogos
2015
2 ¼ jam



MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5
TAHUN 2015
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

MODUL 2
BAHASA MELAYU
KERTAS 1
Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas modul ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
 2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
 3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
-

Kertas modul ini mengandungi 3 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A


[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah berjimat cermat dalam kehidupan seharian. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

FAEDAH-FAEDAH BERJIMAT CERMAT

- Mengurangkan perbelanjaan
- Memupuk sikap berdikari
- Menambah simpanan

Amalan makan di rumah**Amalan menanam sayur di sekeliling rumah****Amalan menabung**

Bahagian B

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Penggunaan telefon bimbit seolah-olah menjadi kemestian dalam kalangan pelajar walaupun mendatangkan pelbagai implikasi.

Jelaskan implikasi penggunaan alat komunikasi tersebut kepada pelajar.

2. Keluarga sepatutnya menjadi institusi yang selamat. Namun begitu kejadian penderaan kanak-kanak oleh ahli keluarga masih berleluasa.

Berikan saranan anda tentang peranan institusi keluarga bagi membanteras gejala ini.

3. Semangat kejiranan merujuk aspek kesefahaman dan hubungan erat sesama jiran. Kerajaan telah melancarkan slogan 'Jiran Sepakat Membawa Berkat' untuk mengembalikan semangat kejiranan yang kian luntur dalam kalangan masyarakat di negara ini. Anda ingin menulis sebuah rencana yang bertajuk "Langkah-langkah Memupuk Semangat Kejiranan dalam Kalangan Masyarakat".

Tulis rencana anda itu selengkapnya.

4. Aktiviti pemerdagangan manusia di peringkat global sangat membimbangkan dan mendatangkan kesan negatif kepada negara yang terlibat.

Bincangkan.

5. Anda telah membaca banyak kisah tentang kejayaan tokoh tertentu dalam bidang perniagaan yang diceburi. Kebanyakannya bermula dengan perniagaan secara kecil-kecilan dan banyak cabaran yang perlu dihadapi sebelum mencapai kejayaan, bak kata peribahasa "berakit-rakit ke hulu; berenang-renang ke tepian".

Tuliskan sebuah cerita berdasarkan peribahasa tersebut.

KERTAS MODUL TAMAT